

20/08/2004

Calon main politik wang bakal tersungkur

By Mud Tow-Qua

WALAUPUN ada pihak yang beranggapan buruk terhadap pemilihan Umno apabila mengaitkannya dengan politik wang yang dilihat boleh mempengaruhi perwakilan dalam membuat keputusan, calon bersih masih berpeluang bertanding pelbagai jawatan parti.

Mungkin juga masih berlaku tawar-menawar dan pelbagai janji habuan yang menghantui perwakilan, tetapi pada perkiraan terakhir, soal integriti dan keberkesanan calon tetap menjadi penentu dan pilihan mereka.

Apakah maksud integriti dan keberkesanan itu pasti perwakilan lebih memahaminya. Mungkinkah ia bermaksud rekod bebas rasuah atau rekod perkhidmatan calon dalam parti dan kerajaan, khususnya ketika menghadapi parti pembangkang pada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Mungkin pula ia berbentuk sumbangan idea bernas dalam memelihara parti untuk sentiasa kekal relevan pada mata masyarakat, malah mungkin juga mereka mahukan calon bersifat 'kepanglima' yang bakal menjadi benteng buat pemimpin utama partinya.

Perwakilan pula yang terdiri daripada pelbagai latar belakang - daripada peneroka dan bekerja sendiri, profesional hinggalah kepada ahli korporat muda dan lama; tidak boleh dipermudah apatah lagi diperlekehkan kecerdikan mereka.

Bagi sesetengah golongan, politik wang mungkin dianggap wajar sebagai balasan 'pelaburan' yang mereka lakukan untuk memenangi kerusi perwakilan pada pemilihan peringkat bahagian.

Kini, dengan menjadi perwakilan, habuan yang bakal dikumpul diharap mencukupi untuk dibawa pulang, sekurang-kurangnya dapat menukar 'rim' kereta yang sudah lusuh atau membina bahagian tambahan pada rumah atau lebih daripada itu!

Namun, dengan kerahsiaan ketika undian, tentu tidak sukar untuk perwakilan yang sama membuat pilihan atas dasar integriti dan keberkesanan calon itu, di sebalik mendapat faedah daripada calon lain yang mengamalkan politik wang.

Lagi pun bagi perwakilan, mereka juga masih ada integriti dan sudah pasti akan terdetik dalam hati untuk memberikan undi kepada calon bermaruah yang tidak terbabit dalam politik wang.

Jika begitu, siapakah yang akan kalah terduduk dalam pemilihan ini jika bukan calon yang bermain politik wang itu sendiri. Sudahlah berhabisan wang, kalah pula dan ini tentunya mengajar mereka betapa 'crime does not pay'.

Lainlah kalau pemilihan dibuat secara mengangkat tangan mengikut bahagian tertentu yang jelas boleh dilihat dan diketahui oleh calon, siapakah antara perwakilan yang mengundinya.

Ketika itu barulah calon, khususnya yang mengamalkan politik wang akan sekurang-kurangnya tahu, kejujuran perwakilan yang berjanji untuk mengundinya setelah mengutip habuan politik wang daripadanya.

Banyak juga nanti akan bergantung kepada ucapan perasmian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini masih memangku jawatan Presiden hingga disahkan ke jawatan terbabit pada perhimpunan berkenaan kelak.

Memang beliau yang juga Perdana Menteri, amat serius memerangi rasuah dalam kerajaan. Selain tindakan mahkamah terhadap tokoh 'high profile', beliau memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Ucapan sulung selaku Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno nanti

dengan penegasan pada penghapusan rasuah dan politik wang, akan melengkapkan 'mission statement' mengenai keseriusannya memerangi gejala itu.

Semua itu bakal memberi isyarat cukup jelas kepada perwakilan dan rakyat amnya, bahawa beliau betul-betul serius dalam perjuangan membanteras gejala rasuah bermula dengan kerajaan serta dengan dokongan kuat dan pemimpin bersihnya.

Dengan isyarat yang cukup jelas itulah akan mencorakkan pemilihan hingga menyebabkan calon yang disedari dan diketahui oleh perwakilan secara diam-diam menawarkan dan bermain 'politik wang', bakal tersungkur.

Ini pasti seperti yang kita sama-sama ketahui berlaku pada Perhimpunan Agung 1996 dengan beberapa tokoh besar yang dipercayai bermain politik wang gagal ekoran penangan ucapan pedas seruan menolak pemimpin yang berpolitik wang oleh presiden ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bak kata orang, sejarah berulang dengan sendirinya, maka calon dan perwakilan hendaklah lebih berhati-hati. Jangan nanti tindakan mereka yang tidak betul akan memakan diri.

Mungkin kini tiba masanya kita beramai-ramai menyanyi dan menghayati lagu 'Que Sera Sera' yang antara bait-baitnya bermaksud: 'Apa nak jadi, jadilah. Masa depan kita bukan kita yang tentukan. Que Sera Sera... Apa nak jadi, jadilah.'

MUD TOW-QUA,  
Kuantan, Pahang.

(END)